

UUM tawar 2 kursus jarak jauh baru Oktober

BH 1/6/05 8:1

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM), akan menawarkan dua program baru peringkat ijazah sarjana muda secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) bagi pengambilan Oktober ini.

Program itu ialah Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (BCOMM) dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa (BIAM).

Pengarah Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE) UUM, Prof Madya Dr Asmah Laili Yeon, berkata penawaran program baru itu bertujuan memberi peluang kepada masyarakat mempertingkatkan ilmu dan memajukan diri, khususnya di universiti pengurusan pertama di negara ini.

"Penyediaan program baru itu sekali gus meluaskan bidang kepada golongan bekerja untuk melanjutkan pengajian di samping memenuhi kehendak pasaran kerja masa kini, selaras perkembangan sistem pendidikan negara.

"Bermula 1999, UUM menawarkan dua program iaitu Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pengurusan Awam dan mendapat sambutan menggalakkan.

"UUM berusaha menawarkan pelbagai program pada masa depan sejajar dengan usahanya mempromosikan bidang pendidikan di universiti ini ke peringkat global," katanya.